

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 19 MAC 2019**

**SOALAN : 63**

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pemantauan dan rondaan Unit Peronda Lebuh Raya di Lebuh Raya Pantai Timur 2 Sdn Bhd (LPT2) didapati semakin berkurangan, dari lima kali rondaan sehari kepada tiga kali sahaja, sedangkan kes-kes keselamatan pengguna dilaporkan makin hari semakin meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Expressway Mobile Patrol Vehicle (EMPV) Bukit Aman mula melaksanakan penugasan di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) pada 16 Ogos 2016 dengan kekuatan 1 pegawai dan 11 orang anggota. Unit ini dibekalkan dengan dua buah kenderaan Mitsubishi Lancer dan sebuah kenderaan Waja. Kawasan tanggungjawab Unit EMPV ini bermula km 250 hingga km 434 iaitu sepanjang 184 km sehala meliputi empat (4) Daerah di Kontinjen Terengganu iaitu :-

1. Kemaman - 47 km;
2. Dungun - 44 km;
3. Hulu Terengganu - 44 km; dan
4. Kuala Terengganu - 12 km.

Penugasan anggota rondaan di LPT2 dibahagikan kepada tiga (3) shif (8 jam setiap shif) bagi tempoh 24 jam. Kekuatan penugasan ini terdiri dari dua (2) anggota setiap shif. Penugasan rondaan ini tidak termasuk rondaan berkereta oleh pihak konsesi (PLUS Polis Bantuan) di kawasan ronda Kijal dan Ajil dengan bantuan kenderaan sebanyak enam (6) buah kenderaan selama 24 jam. Tiada berlaku pengurangan dalam rondaan bagi lebuhraya tersebut yang dibuat dalam tiga shif sehari. Pertambahan yang dimaksudkan itu berlaku apabila pasukan dari trafik Bukit Aman atau Trafik Kontinjen Terengganu membuat operasi khas di lebuhraya tersebut.